A

Pendakwa Raya lwn Hossein Izadikalasar Latif dan satu lagi

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-88–08 TAHUN 2015 DAN 45A-89–08 TAHUN 2015
AB KARIM H
26 JULAI 2018

C

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Kedua-dua tertuduh dituduh di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada kes prima facie dibuktikan bagi pertuduhan pengedaran dadah — Sama ada pembelaan bersifat penafian semata-mata atau yang difikirkan kemudian — Sama ada pembelaan menimbulkan keraguan munasabah ke atas kes pendakwaan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(2)

D

Kedua-dua tertuduh dituduh secara berasingan di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan kemudiannya dibicarakan bersama. SP4 menyatakan bahawa kedua-dua tertuduh merupakan warganegara Iran yang ditahan di KLIA kerana diperhatikan berjalan dalam keadaan gelisah. Imbasan melalui mesin imbasan kastam tidak menimbulkan apa-apa imej yang mencurigakan namun serbuk putih yang merupakan dadah jenis methamphetamine ditemui di dalam kedua-dua bagasi yang dibawa oleh tertuduh-tertuduh. Sewaktu pembelaan, kedua-dua tertuduh menjelaskan bahawa mereka datang ke Malaysia bersama dua orang yang lain untuk membeli pakaian motosikal dan datang bersama-sama mereka seorang penama 'Ramin' yang menguruskan perjalanan mereka dan memberikan kepada mereka bagasi tersebut yang didapati berisi dadah. Kedua-dua tertuduh menyatakan bahawa mereka membawa bagasi tersebut secara ikhlas dan tiada pengetahuan mengenai kewujudan dadah tersebut. Kedua-dua tertuduh juga menyatakan bahawa mereka terpisah dan berjalan secara berasingan, oleh yang demikian mereka tidak ditahan secara bersama sepertimana yang dinyatakan oleh SP4.

E

F

G

H

Diputuskan, melepas dan membebaskan kedua-dua tertuduh dari pertuduhan:

(1) Di akhir kes pendakwaan, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah mengemukakan saksi-saksi yang kredibel. Daripada keterangan SP4 dan pegawai penyiasat, mahkamah mendapati bahawa kedua-dua tertuduh mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan tehadap dadah yang dijumpai dalam bagasi-bagasi tersebut. Selain itu, pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa kedua-dua tertuduh telah

I

membawa dadah tersebut dari Iran masuk ke KLIA yang merupakan perbuatan pengedaran seperti yang dimaksudkan di bawah s 2 ADB (lihat perenggan 17–18 & 22).

(2) Mahkamah menerima keterangan ahli kimia yang menganalisa serbuk yang dijumpai dalam bagasi-bagasi tersebut sebagai serbuk dadah methamphetamine seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama ADB. Selain itu, mahkamah mendapati, pada peringkat pendakwaan, barang-barang kes dadah dan lain-lain barang kes yang dikemukakan adalah barang kes yang dirampas di dalam kedua-dua beg tersebut daripada kedua-dua tertuduh. Berdasarkan keseluruhan keterangan dan setelah mahkamah menilai keterangan saksi-saksi pendakwaan secara maksima, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap kedua-dua tertuduh (lihat perenggan 25–26).

(3) Pembelaan kedua-dua tertuduh bukan bersifat penafian semata-mata atau yang difikirkan kemudian. Mahkamah mendapati penceritaan kedua-dua tertuduh konsisten antara satu sama lain sebaliknya keterangan SP4 adalah amat meragukan. Mahkamah memutuskan bahawa penceritaan tertuduh-tertuduh lebih dipercayai dan berkemungkinan. Penceritaan mengenai penama 'Ramin' adalah boleh dipercayai dan ia juga boleh menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pendakwaan. Penceritaan kedua-dua tertuduh bahawa perjalanan mereka ke Malaysia merupakan kali pertama mereka melancong memberi petunjuk kebenaran keterangan kedua-dua tertuduh bahawa urusan ke Malaysia dilakukan oleh Ramin. Oleh itu, pembelaan mengenai Ramin yang memberi beg-beg tersebut kepada kedua-dua tertuduh dan mereka tidak mengetahui tentang kewujudan dadah dalam beg-beg tersebut adalah munasabah, berkemungkinan dan boleh dipercayai (lihat perenggan 42, 53–54 & 60).

[English summary

Both the accused was charged separately under s 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') and subsequently tried together. PW4 states that both the accused were Iranians who was arrested in KLIA because they were observed to be walking in an uneasy manner. The scan vide the customs scanning machine did not show any suspicious image, though, a white powder which was methamphetamine was found in both luggage bags which were brought by the accused. During the defence stage, both the accused explained that they came to Malaysia with two other people to buy motorcycle apparel and together with them was a person named 'Ramin' who had attended to the journey and gave them those luggage bags, which was found to have contained drugs. Both the accused state that they were innocently carrying those luggage bags and had no knowledge of the existence of the drugs. Both the accused also stated that they were separated and were walking separately, therefore they were

not arrested together as stated by PW4. A

Held, discharging and acquitting both the accused from the charge:

(1) At the end of the prosecution's case, the court found that the prosecution had produced credible witnesses. From PW4's evidence and the investigating officer, the court found that both the accused had knowledge, control and custody of the drugs found in the said luggage bags. Other than that, the prosecution had proved that both the accused had brought the drugs into KLIA from Iran which was an act of trafficking as defined under s 2 of the DDA (see paras 17–18 & 22). B C

(2) The court accepts the evidence of the chemist who analysed the powder that was found in the luggage bags as methamphetamine as was listed in the First Schedule of the DDA. Other than that, the court found, that at the prosecution stage, the drug and other exhibits are the exhibits which were seized from both the bags from the both the accused. Based on the entirety of the evidence, and after the court has evaluated the evidence of the prosecution's evidence at a maximum, the court found that the prosecution had proved a prima facie case towards both the accused (see paras 25–26). D E

(3) The defence of both the accused is not a bare denial or an afterthought. The court found the explanation of both the accused are consistent with each other, and alternatively the evidence of PW4 is very doubtful. The court held that the explanation of both the accused is more believable and probable. The explanation concerning the person named 'Ramin' is also believable and had casted a reasonable doubt towards the case of the prosecution. The explanation of both the accused that their journey to Malaysia is the first time they were travelling gave an indication to the truth of the evidence of both accused that the dealings of the travels to Malaysia was done by Ramin. Therefore, the defence concerning Ramin being the person who gave the bags to both the accused and they had no knowledge of the existance of the drugs in those bags are believable, probable, and reasonable (see paras 42, 53–54 & 60).] F G H

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2018 Reissue) perenggan 886–1075.

Kes-kes yang dirujuk I

Ong Ah Chuan v PP [1981] 1 MLJ 64, PC (dirujuk)
Pendakwa Raya v Herlina Purnama Sari [2016] MLJU 1824; [2017] 1 MLRA 499, MR (dirujuk)
Teh Hock Leong v PP [2008] MLJU 284; [2008] 4 CLJ 764, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B, 39B(2), Jadual Pertama

Nurul Izzah bt Abdul Mutalib (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor) bagi pihak pendakwaan.

LA Gomes (The Law Offices of LA Gomes, Meor Shaazizi & Assoc) bagi pihak tertuduh.

Ab Karim H:

[1] Kedua-dua tertuduh telah dituduh di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Tertuduh pertama ('T1') dituduh dalam kes Mahkamah Tinggi Jenayah Shah Alam 45A-88–08 Tahun 2015. Pertuduhannya sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu pada 23 Mei 2014, jam lebih kurang 11.00 malam, bertempat di Balai Ketibaan Antarabangsa, Aras 3, MTB KLIA, di dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selangor, telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 396 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(a)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Manakala tertuduh kedua ('T2') di tuduh dalam kes Mahkamah Tinggi Jenayah Shah Alam 45A-89–08 Tahun 2015. Pertuduhannya sebagaimana berikut:

> Bahawa kamu pada 23 Mei 2014, jam lebih kurang 11.00 malam, bertempat di Balai Ketibaan Antarabangsa, Aras 3, MTB KLIA, di dalam daerah Sepang, di dalam Negeri Selanogr, telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 251.2 gram. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[3] Kedua-dua kes telah di bicarakan bersama. Di akhir kes, mahkamah ini telah mendapati pembelaan T1 dan T2 telah berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas kes pihak pendakwaan. Dengan itu kedua-dua T1 dan T2 dilepas dan dibebaskan.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[4] Pada 23 Mei 2014 jam lebih kurang 11 malam D/K Ozani bin Othman ('SP4') semasa menjalankan tugas pemantauan penumpang dan bagasi di kawasan Tuntutan Bagasi E, Aras 3, MTB, KLIA, Sepang bersama-sama beberapa anggota lain, telah melihat dua orang lelaki sedang menarik satu bagasi setiap seorang. Kedua-dua lelaki itu berjalan dalam keadaan menoleh ke kiri dan ke kanan sambil memerhatikan keadaan sekeliling dalam keadaan

gelisah menuju ke pintu keluar sebelum pemeriksaan kastam. A

[5] SP4 bersama dengan D/Kpl Kenneth Khanna telah menahan kedua-dua lelaki tersebut, yang kemudian dicamkan sebagai T1 dan T2. SP4 mendapati, berdasarkan passport T1 dan passport T2, mereka merupakan warganegara Iran. SP4 telah mengarahkan T1 yang menarik bagasi beroda warna coklat dan T2 yang menarik bagasi warna kelabu ke mesin pengimbasan kastam untuk beg mereka di imbas. Setelah imbasan dijalankan, SP4 dapati tiada imej yang mencurigakan. SP4 kemudian mengarahkan kedua-dua T1 dan T2 pergi ke pejabat jenayah narkotik membawa bersama beg mereka kerana kelakuan mereka yang mencurigakan. B C

[6] Di pejabat jenayah narkotik, SP4 telah membuat pemeriksaan badan terhadap kedua-dua T1 dan T2 tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Seterusnya SP4 bersama D/Kpl Kenneth Khana membuat pemeriksaan keatas bagasi beroda jenama MEIYIDA warna kelabu ('P18') yang mempunyai tag No XH 334064 atas nama HOSSEINI SEYED HOSSEIN yang tidak berkunci yang ditarik oleh T2. Hasil pemeriksaan dalam bagasi P18 tersebut didapati terdapat plastik keras dikiri dan kanan bagasi. SP4 menggunakan pemutar skru dan player bagi membuka besi kerangka bagasi tersebut dan telah mengeluarkan pelapik keras kiri dan kanan di bahagian dalam bagasi tersebut. Kedua-dua pelapik keras itu di baluti denan kain hitam, span dan karbon. SP4 mendapati kedua-dua pelapik itu mempunyai rongga-rongga didalamnya. Seterusnya SP4 menggunakan pemutar skru dan mencucuk bahagian berongga pelapik tersebut dan didapati mengandungi serbuk putih disyaki dadah. SP4 mengeluarkan kesemua serbuk putih yang terdapat di rongga-rongga di kedua-dua pelapik keras itu secara pelahan-pelahan dengan cara mengetuk pelapik dengan pengetuk. Seterusnya SP4 memasukkan serbuk putih disyaki dadah itu ke dalam dua paket plastik lutsinar berasingan yang disediakan oleh SP4. SP4 kemudian membuat tandaan, tandatangan dan tarikh 23 Mei 2014 pada: D E F G

(a) bagasi beroda MEIYIDA warna kelabu sebagai *Z1*(P18) beserta tag No XH 334064 di pemegang bagasi atas nama Hosseini Seyed Hossein (P47);

(b) pelapik keras sebelah kiri sebagai *Z1A* (P18(11));

(c) pelapik keras sebelah kanan sebagai Z1B (P18(12)); dan

(d) dua paket plastik lutsinar bagi membungkus dan berisi serbuk disyaki dadah masing-masing sebagai *Z1A(1)*(P17(A)) yang di jumpai dalam plastik keras berongga disebelah kiri dan *Z1B1* ((17(B)) yang di jumpai dalam plastik keras berongga di sebelah kanan. H I

[7] Kemudian SP4 membuat pemeriksaan keatas bagasi beroda warna coklat

jenama RBT (P20) dengan tag No XH 334063 atas nama Hosseini Seyed Hossein yang tidak berkunci yang ditarik oleh T1. Hasil pemeriksaan dalam bagasi beroda warna coklat didapati terdapat pelapik keras di kiri dan kanan bagasi. SP4 menggunakan pemutar skru dan player bagi membuka besi kerangka bagasi dan mengeluarkan pelapik keras kiri dan kanan di bahagian dalam bagasi tersebut. Kedua-dua pelapik keras ini dibaluti dengan kain hitam, span dan karban. SP4 dapati kedua-dua pelapik keras itu mempunyai rongga-rongga di dalamnya. SP4 menggunakan pemutar skru dan mencucuk bahagian berongga pelapik keras itu dan didapati terdapat serbuk putih disyaki dadah. SP4 kemudiannya mengetuk secara pelahan-lahan di kedua-dua pelapik keras tersebut bagi mengeluarkan serbuk putih disyaki dadah yang terdapat di dalamnya. Seterusnya SP4 memasukkan serbuk putih disyaki dadah itu dalam dua plastik lutsinar berasingan yang disediakan oleh SP4. SP4 kemudian membuat tandaan dan menurunkan tandatangan serta tarikh 23 Mei 2014 pada:

(a) bagasi beroda jenama RBT warna coklat sebagai *Z2*(P20) berserta tag No XH 334063 (P46) di pemegang bagasi atas nama Husseiniseyedhosein;

(b) pelapik keras sebelah kiri sebagai *Z2A* (P20(7)) dan sebelah kanan sebagai *Z2B* (P20(8));

(c) satu paket plastik lutsinar bagi membungkus dan berisi dadah yang dijumpai dalam pelapik keras sebelah kiri sebagai *Z2(A)(1)* (P13(A)); dan

(d) satu paket plastik lutsinar bagi membungkus dan berisi dadah yang di jumpai dalam pelapik keras sebelah kanan sebagai *Z2(B)(1)* (P13(B)).

[8] SP4 juga mendapati terdapat beberapa pakaian berupa seluar dan baju di dalam kedua-dua bagasi P18 dan P20 tersebut, yang turut dirampas. SP4 turut merampas dari T1:

(a) pasport atas nama Hossein Izadikalarsar Latif No N 30031133 (P36) beserta *tag bag* (P36(A)) dengan siri No XH 334063 yang terlekat atas passport.

(b) *boarding pass* atas nama Izadikalarsar/Hossein No ETKT 1765200330569–1 (P37);

(c) *boarding pass* atas nama Hossein/Izad Mr dari Sulaimaniyah ke Dubai FZ 206 (P38);

(d) satu helai tiket penerbangan atas nama Izadikalasar/Hossein Mr *booking reference* 6MTQA6 (P39);

(e) satu talipon jenama Huawei (P40); dan

(f) wang tunai Iran iaitu tiga keping 50,000 Rial, empat keping 20,000 Rial dan sekeping 5,000 Rial (P41).

[9] Disamping itu SP4 juga turut merampas dari T2:

(a) passport atas nama Seyed Hossein Seyedahmad No N 30088337 (P26) beserta *tag bag* (P26(A)) dengan siri XH 334064 yang terlekat di passport;

(b) *boarding pass* atas nama Hosseini/Seyedhossein No ETKT 1765200330570–1(P27);

(c) *boarding pass* atas nama Seyed/Hosseini Mr dari Dubai FZ 206(P28);

(d) satu tiket penerbangan atas nama Hosseini/Seyed Hossein booking at 6 MTQ A6(P29);

(e) dompet warna coklat (P30) mengandungi gambar T2 (P30A(1–4)), empat keping kad pengenalan (P30A(5–8)) dan wang tunai Rial Iran 20,000 (P30A(9–10)); dan

(f) satu telefon jenis Sony Ericsson (P31).

[10] Pada 24 Mei 2014 jam lebih kurang 7 pagi, SP4 telah menyerahkan T1 dan T2 serta barang-barang kes yang di rampas kepada pegawai penyiasat Insp Mohana Sundaram a/l Vrejenan ('SP6').

[11] Pegawai penyiasat setelah menerima barang-barang kes telah membuat tandaan dan diturunkan tanda tangan serta tarikh 24 Mei 2014 pada semua barang-barang kes. Bagasi beroda warna coklat ditandakan sebagai *M2* (P20). Dua pelapik keras kiri dan kanan yang di jumpai dalam bagasi coklat sebagai *M2A* (P20(7)) dan *M2B* (P20(8)), dua paket plastik lutsinar yang mengandungi dadah masing-masingnya sebagai *M2B(1)* (P13(A)) dan *M2B(1)* (P13(B)). Sementara pada bagasi beroda kelabu ditandakan oleh SP6 sebagai *M1*(P18) dua pelapik keras kiri dan kanan yang dijumpai dalam bagasi kelabu masing-masingnya sebagai *M1A*(P18(11)) dan *M1B*(P18(12)) serta dua plastik lutsinar yang mengandungi dadah yang masing-masingnya ditanda sebagai *M1A(1)*((P17A)) dan *M1B(1)* (P17(B)). SP6 kemudian masukkan plastik lutsinar yang mengandungi dadah bertanda *M2B(1) (P13(A))* dan *M2B(1) (P13(B))* dalam satu sampul surat yang ditandakan sebagai *MX* (P13) di seal dengan PDRM 712. SP6 memasukkan dua plastik lutsinar yang mengandungi dadah bertanda *M1A(1)* (P17(A)) dan *M1B(1)* (P17(B)) dalam satu sampul surat bertanda *MX1* (P17) di seal dengan PDRM 712. Ke semua barang kes dadah diletakkan dalam almari besi berkunci. Pada 2 Jun 2014 jam lebih kurang 10 pagi, SP6 telah membawa T1 untuk ujian darah dan SP6 telah menerima pada hari yang sama sampel darah T1 dalam satu sampul putih berseal Hospital Serdang yang di tanda *MA*(P24(3)(A)) yang kemudian beliau masuk dalam satu sampul ditandakan *MA* yang di seal dengan seal PDRM 712 (P24(3)). SP6 juga pada hari yang sama telah membawa T2 ke hospital yang sama untuk ujian darah dan SP6 telah menerima pada hari yang sama sampel

darah T2 dalam satu sampul putih berseal Hospital Serdang yang ditandakan *MB* (P24(7)(A)) yang kemudian beliau masukkan dalam satu sampul ditandakan *MB* yang di seal dengan seal PDRM 712 (P24(7)).

[12] Pada 26 Mei 2014 jam lebih kurang 10 pagi, SP6 telah menjalankan acupakai pakaian keatas T1 dan T2 dan telah arahkan SP2 mengambil gambar acupakai (P17(1–4)) dan mengambil gambar barang kes (P8(1–23)).

[13] Pada 6 Jun 2014 SP6 telah menghantar beberapa barang kes ke Jabatan Kimia kepada ahli kimia Hazwani bt Hapiz ('SP5') untuk tujuan analisa DNA:

(a) berkaitan dengan T1 iaitu:

(i) sampel darah T1 dalam sampul bertanda *MA* (P24(3)); dan

(ii) beberapa pakaian yang dijumpai dalam bagasi beroda coklat (P20) yang di tarik oleh T1:

(1) sehelai tuala yang disimpan dalam bungkusan bertanda *MA1* (P24(1));

(2) sehelai baju T yang disimpan dalam sampul bertanda *MA2* (P24(4));

(3) satu baju T yang disimpan dalam sampul bertanda *MA3* (P24(5)); dan

(4) sepasang stoking yang disimpan dalam sampul bertanda *MA4* (P24(6));

(b) berkaitan T2 iaitu:

(i) sampel darah T2 dalam sampul bertanda *MB* (P24(7));

(ii) beberapa pakaian yang dijumpai dalam bagasi beroda kelabu (P18) yang di tarik oleh T2:

(1) satu tuala yang disimpan dalam bungkusan bertanda *MB1* (P24(2));

(2) satu tuala kecil yang disimpan dalam sampul bertanda *MB2* (P24(8));

(3) satu seluar pendek yang disimpan dalam sampul bertanda *MB3* (P24(9)); dan

(4) satu seluar pendek yang disimpan dalam sampul bertanda *MB4* (P24(10)).

[14] Pada 29 Mei 2014, SP6 telah menghantar barang-barang kes yang

mengandungi serbuk disyaki dadah dalam sampul bertanda *MX* (P13) dan *MX1*(P17) ke jabatan kimia kepada ahli kimia Dr Vanita a/p Kunalan (SP2) untuk di analisa. SP2 telah mengembalikan barang-barang kes selepas di analisa kepada SP6 pada 15 Disember 2014.

[15] Hasil analisa oleh SP2 terhadap serbuk-serbuk tersebut mendapati:

(a) barang kes dalam sampul *MX* (P13) yang terdapat serbuk putih dalam paket plastik bertanda *M2B(1)* (P13(A)) mengandungi *227.1g* methamphetamine dan dalam paket plastik bertanda *M2B(1)(a)*(P13(B)) mengandungi *168.9g* methamphetamine iaitu methamphetamine seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952; dan

(b) barang kes dalam sampul *MX1*(P17) yang terdapat serbuk putih dalam paket plastik bertanda *M1A(1)*(P17A) mengandungi *111.3g* methamphetamine dan dalam paket plastik bertanda *M1B(1)* (P17B) mengandungi *139.9g* methamphetamine iaitu methamphetamine seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

[16] Sementara itu, hasil analisa SP5 keatas sampel-sampel darah dan pakaian mendapati:

(a) satu profil DNA lelaki pada baju T bertanda *MA3* (P24(5)) dan tuala bertanda *MA1*(P24(1)) *yang dijumpai dalam beg beroda coklat yang di tarik oleh T1* berpadanan dengan profil DNA T1; dan

(b) satu profil DNA perempuan pada tuala bertanda *MB1* (P24(2)) yang dijumpai dalam bagasi beroda kelabu yang ditarik oleh T2.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[17] Mahkamah telah meneliti keterangan dan melihat barang-barang kes yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan. Di akhir kes pihak pendakwaan ini, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah mengemukakan saksi-saksi yang kredible. Dari keterangan saksi SP4, didapati bahawa pada hari kejadian 23 Mei 2014 jam lebih kurang 11 malam di Balai Ketibaan Antarabangsa, Aras 3, MTB KLIA Sepang, T1 sedang menarik bagasi warna coklat (P20) yang setelah di periksa di dalamnya mengandungi satu pelapik keras (P20(7)) dan (P20(8)) . Didapati T2 sedang menarik bagasi warna kelabu (P18) yang mengandungi pelapik keras (P18(1)) dan (P18(2)). Pelapik keras itu yang disembunyikan di bahagian dalam tepi kerangka bagasi yang dilekatkan dengan skru mengandungi dadah. Di dalam bagasi (P20) turut dijumpai beberapa pakaian yang muat saiznya dengan tubuh badan T1.

Sementara dalam bagasi (P18) turut dijumpai beberapa pakaian yang juga muat saiznya dengan tubuh badan T2.

[18] Daripada keterangan SP4 dan pegawai penyiasat SP6 Mahkamah ini mendapati bahawa T1 dan T2 mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan terhadap dadah-dadah yang dijumpai dalam bagasi-bagasi (P20) dan (P18) yang di tarik oleh T1 dan T2. Keterangan ini dibuktikan bukan sahaja melalui perbuatan T1 dan T2 menarik beg itu, malahan berdasarkan keterangan-keterangan fizikal yang lain.

[19] Keterangan terhadap T1 dapat dilihat daripada:

(a) passport yang dirampas daripada T1 menunjukkan pasport atas nama T1(P36);

(b) pada passport itu terlekat tag beg (P36(A)) dengan siri No yang sama atau sepadan dengan *tag* beg (P46) yang terdapat pada pemegang bagasi coklat yang bernombor siri XH 334063;

(c) tidak ada orang lain yang memegang atau menarik bagasi coklat (P20) itu kecuali T1;

(d) acupakai pakaian (P29(5) dan P20(1)) yang terdapat dalam bagasi coklat itu suai muat dengan tubuh badan T1; dan

(e) tuala (P24(1)) dan baju T (P24(5)) yang terdapat dalam bagasi coklat itu positif mempunyai DNA T1.

Ini menunjukkan bagasi itu kepunyaan T1 dan sentiasa dalam kawalan dan jagaan T1.

[20] Sementara keterangan terhadap T2 adalah:

(a) passport yang dirampas daripada T2 menunjukkan passport atas nama T2(P26);

(b) pada passport tersebut terlekat *tag* beg (P26(A)) dengan siri yang sama atau sepadan dengan siri nombor *tag* beg (P47) yang diikat pada pemegang beg warna kelabu yang bernombor siri XH 334064;

(c) tidak ada orang lain yang memegang dan menarik beg kelabu (P18) kecuali T2; dan

(d) acupakai pakaian P18(1), P18(6), P18(2) dan P18(7) yang terdapat dalam bagasi kelabu suai muat dengan tubuh badan T2.

Ini menunjukkan beg itu kepunyaan T2 dan sentiasa dalam kawalan dan jagaan T2.

[21] Daripada cara pelapik keras itu dilekatkan dan disembunyikan di kerangka besi beg dan cara dadah itu disimpan dan di sorok di dalam celah-celah rongga pelapik keras menunjukkan ia dilakukan untuk mengelak dari dikesan atau dilihat oleh orang-orang lain. Dengan beg setiap satu itu dalam jagaan dan kawalann T1 dan T2 dan dengan cara dadah-dadah itu disembunyikan jelas menunjukkan bahawa T1 dan T2 menyedari dan mengetahui akan kewujudan dadah dalam beg coklat P20 yang ditarik oleh T1 dan beg kelabu P18 yang di tarik oleh T2. Dalam kes *Pendakwa Raya v Herlina Purnama Sari* [2016] MLJU 1824; [2017] 1 MLRA 499, Mahkamah Persekutuan dalam menghuraikan keadaan ini mengatakan:

> [39] We are of the view that whether or not a person is a trafficker within the definition of s 2 of the Act is dependent on the facts and circumstances of a given case. In this case, it is not in dispute that when the respondent was arrested she was carrying the luggage bag which amongst other things contained the impugned drugs. The respondent was apprehended in the act of carrying from one place to another a large amount of dangerious drugs. It is in evidence that the respondent was unaccompanied by any person when she carried the luggage bag. The luggage bag was registered in the respondent's name when she checked in at the Air Asia check-in counter. The impugned drugs were found hidden in the two boxes. In fact, the drugs were neatly and securely concealed from view in both the boxes. We are of the view that the manner in which the impugned drugs were concealed in the luggage bag showed that the respondent knew the existence of the drugs there, and evinced the intention of and careful planning by the respondent to conceal the impugned drugs to avoid and escape detection (*PP v Abdul Rahman Akif* [2007] 1 MLRA 568 *and Teh Hock Leong v PP* [2008] 1 MLRA 548).

[22] Dalam hal pengedaran dadah pula, pihak Pendakwaan telah membuktikan bahawa T1 dan T2 telah membawa dadah itu dari Iran masuk ke KLIA yang merupakan perbuatan pengedaran seperti yang dimaksudkan di bawah s 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, di mana perbuatan membawa (*carrying*) dadah itu sendiri membawa maksud pengedaran.

[23] Pihak pendakwaan telah mengemukakan melalui keterangan saksi SP4 dan SP6 bahawa:

(a) passport kedua-dua T1 dan T2 (P36 dan P26) menunjukkan kedua-dua tertuduh keluar dari Iran pada 22 Mei 2014 dan pergi ke Iran pada hari yang sama dan seterusnya masuk ke Malaysia melalui KLIA pada 23 Mei 2014 (hari kejadian);

(b) tiket penerbangan T1 (P39) dan T2 (P29) menunjukkan T1 dan T2 telah menggunakan penerbangan dan berlepas dari Sulaimaniyah ke Dubai melalui penerbangan FZ 206 — Fly Dubai pada 22 Mei 2014 dan dari Dubai ke KLIA melalui penerbangan Emirates pada 23 Mei 2014;

(c) melalui boarding pass T1 (P37) dan boarding pass T2 (P27) menunjukkan T1 dan T2 berlepas dari Dubai ke Kuala Lumpur melalui penerbangan Emirates EK 342 pada 23 Mei 2014;

(d) melalui tag beg No XH 334063 (P36(A)) yang di lekatkan atas passport T1 dan *tag* beg XH 334064 (P26(A)) yang dilekatkan atas pasport T2 yang sepadan dengan *tag* beg (P46) yang di lekatkan di pemegang beg coklat yang di tarik oleh T1 dan *tag* beg (P47) yang dilekatkan di pemegang beg kelabu yang di tarik oleh T2 yang mempunyai catatan nombor penerbangan KUL–EK 0342 23 Mei atas nama Hosseini Seyedhossein menunjukkan kedua-dua beg tersebut di bawa bersama melalui penerbangan Emirates EK 342 dari Dubai ke Kuala Lumpur yang dinaiki oleh kedua-dua tertuduh; dan

(e) melalui rekod keluar masuk yang dibekalkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bertarikh 27 April 2014 (P56) menunjukkan kedua-dua T1 dan T2 memasuki Malaysia melalui pintu masuk KLIA pada 23 Jun 2014.

[24] Keterangan-keterangan tersebut menunjukkan bahawa T1 dan T2 telah membawa beg-beg mereka yang mereka sedari mengandungi dadah dari Sulaimaniyah ke Dubai dan terus masuk ke Malaysia melalui pintu KLIA merupakan satu perbuatan mengedar dadah. Dari fakta dadah-dadah itu disembunyi sebegitu cara dan perbuatan T1 dan T2 membawa dadah itu dari satu tempat masuk ke KLIA serta jumlah dadah yang banyak menunjukkan perbuatan T1 dan T2 itu adalah untuk tujuan mengedar dadah (*Pendakwa Raya v Herlina Purnama Sari*). Begitu juga seperti yang diputuskan dalam kes *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2008] MLJU 284; [2008] 4 CLJ 764, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> Dalam kes semasa, cara membawa dadah berkenaan dari Thailand ke Malaysia dibuat dengan sangat licik bagi mengelak dari dijejaki oleh pihak berkuasa. Cara yang digunakan untuk membawa atau menghantar dadah kadangkala menyerlahkan bukti mengenai pengetahuan. Contohnya percubaan yang teliti untuk menyorok dadah mungkin menunjukkan niat untuk mengelak dari dijejaki dan dengan itu menunjuk kepada pengetahuan.

Seterusnya tidak mungkin dadah yang dibawa dalam kuantiti yang banyak itu adalah untuk kegunaan sendiri kecuali ia adalah bagi tujuan untuk diedarkan pada pihak lain. Dalam kes *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64:

> It must mean moving the drugs from one place to another, it may mean moving them also to another person but it need not do so. Whether it bears the wider or the narrower meaning depands upon the context in which the verb appears. In their Loardships' view the immediate context of the verb 'transport', to which attention has been drawn, attracts the maxim noscitur a sociis. This, and the fact that it

appears in the definition of the verb to 'traffic', of which the natural meaning in the context of trafficking in goods involves dealings between two parties at least, and that the evident purpose of the Act is to distinguish between dealers in drugs and the unfortunate addicts who are their victims, all combine to make it clear that 'transport' is not used in the sense of mere conveying or carrying or moving from one place to another but in the sense of doing so to promote the distribution of the drug to another.

...

...

...

[25] Mahkamah ini menerima keterangan ahli kimia SP2 akan keterangan beliau yang menganalisa serbuk yang dijumpai dalam pelapik keras dan kedua-dua beg coklat (P20) dan beg kelabu (P18) sebagai serbuk dadah methamphetamine seperti yang disenaraikan di Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan berat yang telah dijelaskan terdahulu daripada ini. Begitu juga mahkamah menerima keterangan SP5 yang menjalankan analisa DNA atas pakaian yang dijumpai di kedua-dua beg tersebut. Mahkamah ini mendapati, pada peringkat ini, barang-barang kes dadah dan lain-lain barang kes dikemukakan di mahkamah ini merupakan dadah dan barang kes di rampas di dalam kedua-dua beg tersebut daripada T1 dan T2.

[26] Berdasarkan keseluruhan keterangan dan setelah mahkamah ini menilai keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan secara maksima mendapati pihak pendakwaan telah membuktikan satu kes prima facie terhadap T1 dan T2 atas pertuduhan mereka masing-masing. Dengan itu T1 dan T2 dipanggil membela diri.

KES PIHAK PEMBELAAN

[27] Kedua-dua T1 dan T2 telah memilih memberi keterangan secara bersumpah dan memanggil Insp Mohd Hafiz bin Ismail (SD3) serta Sjn Nor Reshiam bin Kassim (SD4) memberi keterangan sebagai saksi mereka.

[28] Menurut keterangan T1 bahawa T1 merupakan pekerja kepda T2 di kedai motosikal yang terletak di Iran. Semasa bekerja di situ T1 mengenali seorang yang dipanggil Ramin. Ramin sering menghantar motosikal ke kedai T2 untuk dibaiki. Pada satu hari T1, T2, Ramin, Ali Reza Hossein Zedeh ('Ali Reza') dan Mirmajid Safaviabarkabooh ('Mirmajid') telah berbincang untuk pergi ke Malaysia membeli pakaian motosikal untuk di jual. Di kedai T2 juga menjual pakaian motosikal.

[29] Seminggu kemudian itu sebelum berlepas ke Malaysia, di rumah

Ramin, Ramin telah menyediakan lima buah beg dan memberi mereka satu beg setiap seorang. Sementara Ramin juga mengambil satu beg. T1 telah memeriksa beg yang diberikan padanya dan didapati beg kosong tiada apa-apa barang. T1 telah memasukkan baju-baju T1 kedalam beg tersebut. Tambang penerbangan telah di bayar kepada Ramin dan Ramin menguruskan pembelian tiket dan perjalanan ke Malaysia.

[30] Pada 22 Mei 2014, T1, T2, Ramin, Ali Reza dan Mirmajid telah berlepas dari Iran ke lapangan terbang Sulaimaniyah, Iraq. Ramin telah uruskan pendaftaran penerbangan dan kemasukan kesemua beg. Dari Sulaimaniyah, kelima-lima mereka berlepas ke Dubai. Sampai di Dubai mereka ketinggalan penerbangan sambungan ke Kuala Lumpur. Kemudian mereka mengambil penerbangan lain ke Kuala Lumpur. Ramin yang menguruskan tiket penerbangan itu.

[31] Sampai di lapangan terbang KLIA, mereka telah pergi ke kaunter imigresen. T1 telah melepasi pemeriksaan imigresen. T1 telah menunggu Ramin kira-kira satu jam. Kemudian T1 mendapati Ramin gagal melepasi pemeriksaan kerana tempoh sah passport Ramin akan tamat kurang daripada enam bulan.

[32] T1 dengan bantuan seseorang telah pergi ke kawasan tuntutan bagasi. Setelah T1 mengambil begnya (P20) dan beg Ramin, datang seorang menghampirinya dan mengarahkan T1 pergi ke mesin pengimbasan untuk mengimbas beg yang di bawa oleh T1 itu.

[33] Setelah beg yang di bawa oleh T1 di imbas, pegawai yang memeriksa itu yang kemudiannya dikenali sebagai SP4 telah mengarahkan T1 membawa bersama beg T1 mengikutnya ke pejabat. Pada masa itu T1 telah mengambil dan membawa beg kepunyaan Ramin pergi bersama T1 ke pejabat. Ketika itu T2 dan rakannya yang lain tidak ada bersama T1 dan telah berpisah dengan T1 disebabkan ramai orang di lapangan terbang ketika itu.

[34] Semasa dalam perjalanan mengikut SP4, T1 telah bertemu dengan T2. SP4 telah bertanya T1 sama ada T2 itu juga daripada Iran. T1 mengiakannya. Kemudian SP4 mengarahkan T2 mengikut bersamanya ke pejabat. Pada masa itu T2 tidak membawa apa-apa beg.

[35] Semasa berada di pejabat, polis kemudian telah membawa Ali Reza dan Mirmajid beserta tiga buah beg beroda kedalam pejabat. Pihak polis telah memeriksa kesemua lima beg dan mendapati dan mengeluarkan plastik yang mengandungi serbuk putih di bahagian kedua-dua belah dalam tepi beg dengan memotong bahagian tepi beg itu. Pihak polis menunjukkan serbuk itu kepada mereka dan memberitahu ia adalah dadah. Pada masa itu T1 dan yang

lain terkejut dan takut. T1 dan yang lain telah membeitahu polis bahawa mereka tidak mengetahui mengenai dadah itu dan memberitahu tentang Ramin yang mengetahuinya dan masih lagi berada di lapangan terbang itu. T1 dan yang lain memberitahu beg-beg itu kepunyaan Ramin dan Ramin yang memberikannya kepada mereka. Kemudian polis mengarahkan mereka menandatangani sesuatu dokumen. Ali Reza dan Mirmajid kemudian dibawa dan diasingkan dengan T1 dan T2.

[36] Sementara keterangan T2 mengatakan bahawa beliau mempunyai kedai motosikal di Teheran dan T1 merupakan pekerjanya. T2 mengatakan perkara yang sama seperti apa yang dikatakan oleh T1 bahawa pemergian T2 ke Malaysia atas cadangan untuk membeli pakaian motosikal. Ramin yang menguruskan soal tiket penerbangan dan beg diberi oleh Ramin. T2 telah pergi ke Malaysia bersama-sama T1, Ramin, Ali Reza dan Mirmajid dari Sulaimaniyah ke Dubai dan terus ke Malaysia. Di Dubai mereka telah terlepas kapal terbang dan Ramin telah membeli tiket penerbangan baru untuk ke Malaysia.

[37] Sampai di KLIA, T2 telah melepasi pemeriksaan Imigresen dan dengan mengikuti penumpang-penumpang lain telah pergi ke bahagian tuntutan bagasi. Sampai di bahagian tuntutan bagasi, T2 mendapati begnya telah ada di bahagian lantai. T2 telah mengambil begnya (P18). Setelah mengambil beg, T2 mengikut lain-lain penumpang dan pergi keluar 'exit gate'. Di luar 'exit gate' itu, T2 nampak Ali Reza dan Mirmajid sedang berdiri. Sebelum itu beg T2 telah melalui proses imbasan. T2 bersama-sama Ali Reza dan Mirmajid telah bersama-sama menghisap rokok di bahagian luar bangunan lapangan terbang KLIA itu. T2 dan Ali Reza serta Mirmajid menunggu Ramin dan T1. Kira-kira setengah jam menunggu itu, seorang datang dan memperkenalkan diri sebagai Murtaza iaitu kawan Ramin. Murtaza memberitahu bahawa Ramin memintanya untuk mengambil mereka. Setelah menunggu kira-kira satu jam Ramin dan T1 masih tidak kelihatan, maka Murtaza meminta T2 pergi masuk dalam bangunan lapangan terbang mencari Ramin dan T1. T2 telah pergi mencari Ramin dan T1 dalam bangunan lapangan terbang. Sementara Murtaza pergi membuat tempahan taxi. Pada masa mencari Ramin dan T1 itu, beg T2 di tinggal bersama Ali Reza dan Mirmajid diluar.

[38] Di dalam bangunan, T2 telah terserempak dengan T1. Ketika itu T1 bersama seorang lain. Orang itu bertanyakan pada T2 sama ada T2 daripada Iran. Kemudian orang itu membawa T2 dan T1 ke sebuah bilik polis. Di bilik itu, polis telah bertanyakan T2 dengan menunjukkan kepada beg. T2 sambil menunjuk ke arah luar menyatakan beg T2 berada di luar bangunan. Selepas 20 minit kemudian pihak polis telah membawa Ali Reza dan Mirmajid ke bilik tersebut bersama tiga buah beg. Pihak polis telah memeriksa kelima-lima beg yang salah satunya adalah beg Ramin dan telah menjumpai dadah di dalam

pelapik plastik dalam ke semua beg berkenaan. Kemudian Ali Reza dan Mirmajid telah di bawa dan di pisahkan dengan T1 dan T2.

[39] Inspektor Mohd Nor Hafiz bin Ismail (SD3) telah dipanggil memberi keterangan bagi T1 dan T2 untuk menunjukkan bahawa Ali Reza dan Mirmajid ada ditangkap bersama T1 dan T2. SD3 mengatakan bahawa beliau adalah pegawai penyiasat bagi kes report KLIA Sepang 7064–705/2014 yang melibatkan tangkapan warga Iran bernama Ali Reza dan Mirmajid. Mereka ditangkap oleh D/Sjn Nor Reshiam pada 23 Mei 2014 jam lebih kurang 11.30 malam di seberang jalan Aras 2, Tingkat 3, Bangunan NTB KLIA. Bagi tangkapan Ali Reza, terdapat rampasan satu beg beroda jenama Satellite warna biru bertag No XH 334144 atas nama Hosseini Seyed Hossein. Beg tangkapan Mirmajid, terdapat rampasan satu beg beroda jenama Machaster warna biru bertag No XH 334145 atas nama Hossein Seyed Hossein. Menurut SD4 penama Hossein Seyed Hossein adalah T2 yang ditangkap pada hari yang sama Ali Reza dan Mirmajid di tangkap. SD3 telah mengemukakan gambar-gambar barang kes berkaitan tangkapan Ali Reza seperti mana eksh D63 dan Mirmajid seperti eksh D64. Kes kedua-kedua penama itu sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Jenayah 3 Shah Alam di bawah s 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. SD3 juga mengemukakan e-tiket bagi Ali Reza dan Mirmajid seperti eksh D65 dan D66. SD3 juga mengemukakan boarding pass bagi kedua-dua penama seperti eksh D67 dan D68. Manakala surat daripada Jabatan Imigresen 2 Julai 2014 mengesahkan kedua-dua penama telah masuk ke Malaysia melalui pintu KLIA pada 23 Mei 2014. Dadah dijumpai dari dua pelapik keras berongga di bahagian kiri dan kanan beg-beg beroda tersebut seperti ditunjukkan dalam gambar 15, 16, 17, 18, 19 dan 20, P63; dan gambar 14, 15, 16, 17, 18 dan 19 dalam P64. Seterusnya menurut SD3 bahawa berdasarkan report yang dibuat oleh SD4 tangkapan Ali Reza dan Mirmajid dibuat berdasarkan soal siasat ke atas T2.

[40] Keterangan Sjn Nor Reshiam bin Kassim (SD4) mengatakan bahawa beliau menerima maklumat mengenai tangkapan lelaki warga Iran dari SP4. SP4 memberitahu bahawa hasil pemeriksaan terhadap dua lelaki (T1 dan T2) dalam pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik KLIA dan maklumat daripada T2 bahawa terdapat dua lagi rakannya (Ali Reza dan Mirmajid) telah keluar daripada lapangan terbang. Kemudian SD4 bertindak pergi menangkap Ali Reza dan Mirmajid yang sedang berada di seberang jalan pintu 2 bersama-sama dengan beg. Selepas itu kedua-dua penama di bawa masuk ke bilik pejabat JSJN, KLIA. Bagi beg Ali Reza dan Mirmajid, telah dijumpai dadah dalam dua pelapik keras di dalam beg tersebut.

[41] Bagi saksi pembelaan kelima Behruouz Asgarpour Hossein (SD5) yang merupakan sahabat ibu bapa kepada T1 dan T2 di Teheran menyatakan rumah keluarga SD5 berhampiran dengan kedai motor T2. Semasa melawat T1 dan

T2 di penjara, mereka meminta SD5 mendapatkan tiket penerbangan dan dokumen berkaitan pekerjaannya. SD5 telah menghubungi keluarga SD5 di Iran dan meminta mereka mendapatkan dokumen-dokumen yang diminta dari keluarga tertuduh. Keluarga tertuduh telah mengemukakan dokumen yang diminta kepada SD5 melalui Sky Express Courier. SD5 mengemukakan ke mahkamah:

(a) tiket atas nama Ramin (IDD 74(A));

(b) tiket atas nama Mirmajid (IDD74(B));

(c) tiket atas nama Ali Reza (IDD74(C));

(d) tiket atas nama Hossein Izadikalasar (IDD74(D));

(e) tiket atas nama Seyed Hossein (IDD74(E));

(f) bil (IDD 75);

(g) rekod pekerjaan (D76); dan

(h) lima keping gambar (IDD77(A–E)).

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[42] Setelah mendengar keseluruhan keterangan dalam kes ini, mahkamah ini mendapati pembelaan kedua-dua T1 dan T2 bukan bersifat penafian semata-mata atau yang difikirkan kemudian.

[43] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa T1 dan T2 dalam hal kepada kes ini sentiasa mempunyai peluang untuk memeriksa bagasi yang dibawanya namun mereka sengaja membutakan mata mereka dan bertindak seolah-olah tidak ada apa-apa yang mencurigakan dalam bagasi itu.

[44] Di dalam kes ini, jalur pembelaan T1 dan T2 adalah sebagai seorang yang membawa bagasi itu secara ikhlas, tidak mengetahui kandungannya mempunyai dadah dan meletakkan kewujudan dadah itu hanya diketahui oleh sahabatnya bernama Ramin. Malahan Ramin juga merupakan orang yang bukan sahaja telah memberi bagasi P20 dan P18 kepada T1 dan T2 bahkan Ramin juga orang yang memberi bagasi kepada Ali Reza dan Mirmajid. Ramin juga turut sama T1, T2, Ali Reza dan Mirmajid datang ke Malaysia daripada Iran dan turut membawa satu bagasi.

[45] Penceritaan T1 dan T2 yang mereka datang dari Iran melalui lapangan terbang Sulaimaniyah, Iran ke Dubai dan seterusnya ke Malaysia bersama Ali Reza dan Mirmajid pada hari kejadian tidak pernah dipersoalkan oleh pihak Pendakwaan malah dari keterangan SD3 dan SD4 mengesahkan Ali Reza dan Mirmajid memasuki Malaysia melalui pintu KLIA pada tarikh yang sama

dengan penerbangan yang sama dengan T1 dan T2. Hal ini terbukti dari dokumen yang di rampas daripada Ali Reza dan Mirmajid yang dikemukakan oleh SD3 ke mahkamah iaitu bagi Ali Reza penempahan tiket penerbangan (D65), boarding pass (D67) dan rekod pergerakan keluar masuk Jabatan Imigresen Malaysia (D71), sementara bagi Mirmajid tiket penerbangan (D66), boarding pass D(68) dan rekod pergerakan keluar masuk daripada Jabatan Imigresen Malaysia (D72). Mahkamah ini mendapati Ali Reza dan Mirmajid datang dari tempat yang sama dengan T1 dan T2 dan telah pergi ke Malaysia.

[46] Dokumen rujukan tempahan tiket Ali Reza dan Mirmajid (D65 dan D66) dengan rujukan tempahan tiket T1 (P39) dan T2 (P29) 6MTQA6 adalah dibuat pada tarikh dan melalui agen yang sama. Dari boarding pass kedua-dua Ali Reza dan Mirmajid menunjukkan mereka menaiki pesawat yang sama sampai ke Malaysia dengan T1 dan T2 iaitu penerbangan Emirates EK 342 dari Dubai ke KLIA pada 23 Mei 2013 jam 10.30 malam.

[47] Sementara itu menurut SD3 dan SD4 bahawa Ali Reza dan Mirmajid telah di tangkap pada hari yang sama bersama beg mereka di luar bangunan lapangan terbang iaitu di seberang jalan pintu 2 dan seterusnya di bawa masuk ke pejabat Siasatan Jenayah Narkotik KLIA dimana tempat T1 dan T2 sedang ditahan.

[48] Dengan itu mahkamah ini mendapati dan mempercayai penceritaan T1 dan T2 bahawa mereka datang dari Iran masuk ke Malaysia (KLIA) bersama Ali Reza dan Mirmajid. T1 telah di tahan bersama T2 semasa berada dalam bangunan KLIA. Manakala Ali Reza serta Mirmajid ditahan di luar bangunan KLIA bersama dengan beg mereka.

[49] Dalam membangkitkan penceritaan tentang kewujudan Ali Reza dan Mirmajid yang ditahan di luar bangunan bersama beg mereka dan beg T2 yang dijumpai mengandungi dadah dan T2 ditangkap ketika beliau sedang mencari T1, mahkamah ini harus melihat semula akan keterangan SP4 dan SP6 serta keterangan SD3, SD4 dan SD5 bagi menentukan apakah penceritaan SP4 itu boleh dipercayai berbanding dengan penceritaan T1 dan T2. Mahkamah ini juga membuat penilaian tentang kebenaran atau kemungkinan penceritaan T1 dan T2 mengenai sahabatnya yang dipanggil Ramin yang telah menyediakan dan memberi beg (P18) dan (P20) kepada T1 dan T2 serta dua beg lain kepada Ali Reza dan Mirmajid.

[50] SP4 semasa memberi keterangan dan semasa di soal balas telah bersetuju bahawa beliau menangkap T1 dan T2, T1 dan di bawa ke pejabat Jenayah Narkotik KLIA, bersetuju Sjn Nor Reshiam (SD4) merangkap dua orang lelaki Iran dan dibawa ke bilik pejabat yang sama, bersetuju hanya terdapat dua beg (P20) dan (P18) di bilik yang sama tiada beg lain, bersetuju

semasa D/Kpl Kenneth Khana membuat soal siasat tentang T1 dan T2 dan T2 ada memberitahu D/Kpl Kenneth Khana terhadap dua lagi kawannya di luar.

[51] Semasa pegawai penyiasat (SP6) memberi keterangan dan di soal balas, SP6 mengatakan:

(a) tidak menyiasat akan dua beg lain yang di rampas;

(b) masa pemeriksaan beg, SD5 D/Sarjan Nor Reshiam ada sekali;

(c) setuju berdasarkan lapuran pergerakan keluar masuk OKT(1) (P56) menunjukkan T1 masuk ke Malaysia melalui pintu KLIA pada 23 Mei 2014 jam 23:35:16 (kira-kira jam 11.35 malam); dan T2 pada hari yang sama jam 22:37:38 (kira-kira jam 10.37 malam);

(d) setuju nama T2 tercatit pada tag beg Ali Reza dan Mirmajid; dan

(e) setuju nombor siri tag beg (P26A)) yang diletakkan di passport T1 sama dengan tag beg (P46) pemegang bagasi coklat yang di tarik oleh T2 dan *tag* beg (P36(A)) yang dilekatkan di passport T2 sama dengan tag beg (P47) di pemegang bagasi kelabu yang di tarik oleh T2.

[52] Manakala SD3 pula menyatakan:

(a) tag beg pada pemegang beg bagi kedua-dua beg dalam tangkapan Ali Reza dan Mirmajid atas nama T2;

(b) bersetuju dadah dalam kedua-dua beg dalam tangkapan Ali Reza dan Mirmajid dijumpai di pelapik keras plastik berongga di tepi kiri dan kanan beg; dan

(c) SD4 tidak menyiasat *flight manifest* EK 342 dalam tangkapan Ali Reza dan Mirmajid.

[53] Mahkamah ini dapati penceritaan T1 dan T2 konsisten di antara satu sama lain. Seperti yang dinyatakan sebelum ini bahawa mahkamah ini mempercayai T1 dan T2 datang dari Iran ke KLIA bersama-sama Ali Reza dan Mirmajid dengan membawa beg masing-masing. Menilai kembali keterangan SP4 yang mengatakan beliau melihat T1 dan T2 sedang menarik beg bagasi setiap seorang sambil berjalan dan SP4 telah menahan T1 dan T2. Ianya berbeza dengan penceritaan T1 dan T2 yang mana mereka mengatakan mereka berjalan berasingan dan berpisah antara satu sama lain memandangkan di lapangan terbang yang ramai orang. Mahkamah ini mendapati cerita T1 dan T2 lebih dipercayai dan lebih berkemungkinan memandangkan dari pengesahan Jabatan Imigresen Malaysia mengenai pergerakan keluar masuk T1 dan T2 (P56) menunjukkan T1 masuk ke Malaysia dan melepasi pemerikaan imigresen pada jam 11.45 malam lewat kira-kira satu jam selepas T2 melepasi pemeriksaan Imigresen jam 10.37 malam. Dalam hal ini tentunya

T2 telah mengambil begnya dahulu di *carousel* dan diikuti T1 satu jam selepas itu. Jika diteliti keterangan SP4 dan laporannya (P45), beliau menahan T1 dan T2 pada jam kira-kira 11 malam. Jika masanya begitu, tidak mungkin T1 turut di tangkap kerana T1 belum lagi melepasi pemeriksaan imigresen dan belum lagi pergi mengambil bagasinya. Tiada penjelasan dibuat oleh pihak Pendakwaan mengenai hal ini walaupun pihak pendakwaan menyedari hakikat eksh P56 yang menunjukkan masa-masa T1 dan T2 masuk ke Malaysia melalui pintu KLIA itu. Dari keterangan T1 dan T2 ini jika dibandingkan dengan keterangan SP4 maka keterangan T1 dan T2 itu adalah lebih berkemungkinan dan mahkamah mempercayainya.

[54] Dalam hal ini tentukan T1 dan T2 tidak di tangkap sekali dalam masa yang sama. Jika begitu, penceritaan T1 dan T2 bahawa beliau berpisah dengan T2 pergi keluar bangunan dan bertemu Ali Reza dan Mirmajid dan kemudian masuk semula ke dalam bangunan lapangan terbang selepas menunggu hampir satu jam T1 tidak muncul adalah begitu berkemungkinan dan boleh dipercayai. Sebaliknya keterangan SP4 itu begitu meragukan.

[55] Dalam penceritaan T1 dan T2 turut membangkitkan bahawa kesemua beg T1 dan T2 serta Ali Reza dan Mirmajid diuruskan oleh Ramin dan Ramin juga yang mendaftar masuk beg-beg tersebut semasa di lapangan terbang Sulaimaniyah. Begitu juga Ramin yang membeli tiket penerbangan ke Malaysia ketika mereka tertinggal penerbangan di Dubai dan mendaftar masuk kesemua beg termasuk beg Ramin. Kemungkinan dan kebenaran penceritaan T1 dan T2 mahkamah ini nilaikan dengan meneliti ekshibit-ekshibit pihak pendakwaan P39 dan P29 iaitu tempahan tiket T1 dan T2 yang menunjukkan T1 dan T2 sepatutnya menaiki penerbangan Emirates EK 346 dari Dubai ke KLIA. Tetapi berdasarkan boarding pass pada T1 (P37) dan T2(P27) menunjukkan mereka menaiki penerbangan Emirates EK 342 dari Dubai ke KLIA. Ini menunjukkan benar mereka telah terlepas penerbangan semasa di Dubai dengan mengambil penerbangan yang lain. Seterusnya mahkamah ini mendapati bahawa dari *tag* beg (P36A) yang terlekat di passport T1 yang bersiri No XH 334063 dan tag beg (P26A) yang dilekatkan di pasport T2 mempunyai No siri XH 334064 yang sama dengan *tag* beg (P46) pada bagasi coklat yang dikatakan di tarik oleh T1 dan sama dengan tag beg (P47) yang dikatakan di tarik oleh T2, namun ia berbeza dari segi nama sipemunya tag beg. Dilihat pada tag beg P26A atas pasport T2, menunjukkan nama yang berbeza dengan nama T2. Begitu juga atas tag beg P46 yang terdapat di pemengang beg coklat T1 namanya berbeza dengan nama T1. Bagi tujuan memudahkan untuk melihat perbezaan diturunkan perbandingan di bawah:

Tag beg di pasport T1(P36A)	*Tag beg di beg kelabu T1 (P46)*
No Pesawat FLYDUBAI SEQ 007 FZ 206	No Pesawat KUALA LUMPUR KUL EK 0342
Nama: HOSSEIN/IZADIMR	Nama:HOSSEINI SEYEDHOSSEINI
Isu: KRG/XH 22 MAY 11	Isu: 23 MAY 14
Siri: XH 334063	Siri: XH 334063
Tag beg di pasport T2(P26A)	*Tag beg di pemegang beg T2(P47)*
No Pesawat FLYDUBAI SEQ 007 FZ 206	No Pesawat Kuala Lumpur KUL EK 0342
Nama: HOSSEIN/IZADIMR	Nama: HOSEINI SEYED HOSSEIN
Isu: KRG/XH 122MAY11	Isu: 23 MAY 14
Siri: XH 334064	Siri: XH 334064

Dari perbandingan ini menunjukkan bahawa beg-beg tersebut pada mulanya di lapangan terbang Sulaimaniyah telah di daftar masuk atas nama Hossein Izadikalasar (T1) seperti di eksh P36A dan P26A dan semasa di lapangan terbang Dubai kedua-dua beg tersebut di daftar masuk atas nama Seyedhossein Hosseini (T2) seperti di P46 dan P47. Dari keterangan SD3 pula, beg yang di rampas dari Ali Reza pada hari kejadian itu mempunyai tag beg bersiri No XH 334144 atas nama Hosseini Seyed Hossein (T2) dan beg yang di rampas dari Mirmajid juga atas nama Hossein Seyed Hossein (T2). Dari urutan barang-barang kes ini menunjukkan bahawa beg-beg tersebut berubah dari segi pendaftaran masuknya dari nama T1 semasa di Sulaimaniyah kepada T2 semasa di Dubai. Daripada perubahan ini menunjukkan beg-beg itu tentunya telah di urus pendaftaran masuknya oleh seorang individu. Dalam kes ini tentunya diuruskan oleh Ramin yang dikatakan oleh T1 dan T2.

[56] Keterangan T1 dan T2 seterusnya bahawa mereka berlima termasuk Ramin telah bergambar semasa di lapangan terbang Sulaimaniyah dan di Dubai dengan menggunakan dan disimpan dalam talipon bimbit T1 dan telah ditunjukkan kepada polis. Menurut T1 dan T2 mereka ada memaklumkan peranan Ramin kepada polis.

[57] Adalah perkara ini benar-benar telah diberitahu pada polis. SP4 semasa di soal balas mengenai maklumat yang diberi oleh T1 dan T2 mengatakan beliau tidak dapat banyak maklumat. T1 dan T2 tidak fasih Bahasa Inggeris dan cuma menggunakan bahasa isyarat dan dia tunjuk isyarat jari, 'two friends outside'. Ini menunjukkan bahawa SP4 sukar berkomunikasi dengan T1 dan T2 kerana masalah bahasa. Dalam percakapan T1 dan T2 (D57 dan D58) ada menyatakan tentang Ramin membawa empat beg kosong dan diserahkan kepada mereka dan terdapat soalan-soalan mengenai Ramin ditanya.

Sementara itu jurubahasa yang digunakan menurut catatan dalam percakapan itu adalah 'google translate'. Jelasnya dari keterangan ini bahawa saksi pendakwaan tidak memahami sepenuhnya akan apa yang dikatakan oleh T1 dan T2. Maklumat yang dinyatakan oleh SP4 tentunya mengandungi perkara-perkara berhubung Ramin. Begitu juga di dalam percakapan T1 dan T2 tentunya perkara-perkara berhubung Ramin telah dinyatakan secara lebih daripada itu. Mahkamah ini juga mendapati pihak pendakwaan telah tidak mengemukakan flight manifest EK 342 yang tentunya boleh menunjukkan sama ada terdapat penama Ramin dalam penerbangan yang sama dengan T1 dan T2. Mahkamah juga dapati pihak pendakwaan gagal menyiasat talipon bimbit yang di rampas daripada T1(P40) dan T2(P31) yang mungkin terdapat maklumat Ramin tersebut. Atas kegagalan ini, apa yang diceritakan oleh T1 dan T2 tentang peranan Ramin dan kewujudan Ramin itu ada benarnya.

[58] Mengenai isu Ramin datang bersama T1 dan T2 serta Ali Reza dan Mirmajid ke Malaysia, telah dibuktikan melalui SD5 yang telah menerima dokumen-dokumen berkaitan penerbangan kelima-lima mereka dari Iran ke Malaysia. SD5 dalam keterangan mengatakan bahawa dokumen itu telah dibekalkan oleh keluarga tertuduh kepada beliau melalui DHL Sky Ekspress dari Iran ke Malaysia. Walaupun dokumen-dokumen itu tiada dalam pengetahuan SD5, namun dokumen itu selari dengan dokumen yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan. *Electronic ticket passenger* dari Sykt Ravan Seir Mehr IDD74(E) menunjukkan tiket penerbangan T2, IDD7(D) bagi T1, IDD74(C) bagi Ali Reza dan IDD74(B) bagi Mirmajid dari lapangan terbang Sulaimaniyah ke Dubai pada 22 Mei 2014 melalui penerbangan FZ 206 yang selari dengan tempahan e-tiket T1 di eksh P39, T2(P29), Ali Reza (D65) dan Mirmajid (D66) yang dikeluarkan oleh syarikat yang sama. Bagi *electronic tiket passenger* IDD74(A) dari syarikat yang sama menunjukkan 'RAMIN SHAFIEI' menaiki pesawat yang sama FZ 206 dari lapangan terbang Sulaimaniyah ke Dubai pada tarikh yang sama 22 Mei 2014. Dengan itu mahkamah mempercayai bahawa *electronic ticket* (IDD74(A)) bukan satu dokumen yang dibuat-buat atau direka-reka. Ini dapat menyokong penceritaan T1 dan T2. SD5 juga mengemukakan satu *print out* dari syarikat agen perlancungan yang sama satu senarai tempahan tiket penerbangan Emirates EK 346 dari Dubai ke KLIA (IDD 75) iaitu penerbangan yang sewajarnya dinaiki oleh T1 dan T2 bersama Ali Reza dan Mirmajid serta Ramin. Walau bagaimanapun mereka ketinggalan penerbangan dan mengambil penerbangan baru EK 342. Dari senarai dan ekshibit-ekshibit ini jelas menunjukkan T1 bukan sahaja datang bersama T2 malah bersama Ali Reza, Mirmajid dan Ramin dengan tiket lain ketika penerbangan dari Dubai ke KLIA. Dengan itu mahkamah ini mendapati akan kemungkinan Ramin yang membuat tempahan tiket EK 342 dari Dubai ke KLIA.

[59] Seperkara yang menimbulkan keraguan munasabah atas kes pihak

pendakwaan adalah beg Ramin yang dikatakan di bawa bersama oleh T1 ketika T1 di tahan oleh SP4. Walau bagaimanapun pihak SP4 dan pegawai penyiasat menafikannya. Tetapi dari senario yang berlaku mahkamah ini mendapati berkemungkinan terdapat beg yng dikatakan kepunyaan Ramin di rampas. Mahkamah ini melihat semula keterangan ahli kimia SP2 yang menerima barang kes dadah daripada pegawai penyiasat SP6 beserta POL 31(P10). SP2 dalam keterangannya menyatakan telah menerima sampul surat bertanda 'MX' daripada SP6. Di dalam sampul MX itu mengandungi *satu plastik bertanda* 'M2B(1)' (kemudian dicam sebagai P13(A)) dan *satu plastik bertanda* 'M2B(1)(a)' (kemudian dicam sebagai P13(B)) yang setelah di analisa mengandungi dadah methamphetamine 168.9g. Apabila di soal balas mengenai catatan pada plastik sebagai *M2B(1)(a)* itu, SP2 menyatakan catatan itu berdasarkan catatan dalam POL 31 (P10) yang diberi oleh SP6. Meneliti catatan SP6 dalam POL 3 (P10) menunjukkan dalam sampul MX itu mengandungi serbuk puteh kristal disyaki dadah jenis syabu AB 370g dan 290g yang ditandakan *M2B(1)* dan *M2B(1)(a)* bertarikh 24 Mei 2014. Dalam keterangan SP6 mengatakan beliau telah menerima barang-barang kes dadah daripada SP4 antaranya adalah plastik lutsinar yang mengandungi dadah yang ditandakan oleh SP4 sebagai *Z2B(1)* kemudian SP6 tandakan sebagai *M2B(1)* (P13(B)) dan plastik lutsinar mengandungi dadah yang ditandakan oleh SP4 sebagai *Z2A(1)* yang kemudian ditandakan oleh SP6 sebagai *M2B(1)* (P13(A)). SP6 masukkan kedua-dua barang kes ini dalam sampul bertanda *MX* untuk di hantar kepada SP2. Dari keterangan ini menunjukkan barang kes plastik lutsinar yang mengandungi dadah yang di terima oleh SP2 daripada SP6 bertanda *M2B(1)(a)* adalah merupakan plastik mengandungi dadah yang berbeza dari plastik yang mengandungi dadah yang di terima oleh SP6 daripada SP4 yang beliau tandakan *M2B(1)* atau *M2B(1)*. Tiada penjelasan di buat oleh mana-mana saksi pihak Pendakwaan mengenai perbezaan ini. Walaupun mahkamah ini diperingkat pihak pendakwaan mengatakan barang kes yang dikemukakan adalah sama dengan barang kes yang dirampas namun mahkamah ini boleh melihatnya semula keterangan itu bagi menilai kebenaran T1 da T2 ini. Daripada hal ini berkemungkinan besar barang-barang kes dadah yang bertanda *M2B(1)(a)* yang diterima oleh ahli kimia daripada SP6 dan yang di catat dalam POL 31 (P10) oleh SP6 adalah barang kes yang lain yang berkemungkinan menunjukkan terdapat beg lain yang di rampas oleh SP4. Kemungkinan beg Ramin yang dinyatakan oleh T1 yang turut dibawanya dan turut di rampas oleh SP4 adalah benar.

[60] Dari keseluruhan penceritaan pembelaan dan pihak pendakwaan ini, mahkamah ini mendapati bahawa penceritaan mengenai penama 'RAMIN' itu adalah boleh dipercayai dan ia juga menimbulkan keraguan yang munasabah atas kes pihak pendakwaan. Dari hal keadaan kes ini menunjukkan bahawa beg-beg tersebut berkemungkinan besar di urus oleh seseorang iaitu RAMIN. Penceritaan T1 dan T2 yang mengatakan perjalanan mereka ke Malaysia merupakan kali pertama mereka melancong (*travel*) memberi petunjuk

kebenaran keterangan T1 dan T2 bahawa urusan ke Malaysia termasuk urusan tiket dan pendaftaran masuk beg ke penerbangan dilakukan oleh Ramin. Oleh itu pembelaan T1 dan T2 mengenai Ramin yang memberi beg-beg itu kepada mereka dan mereka juga tidak mengetahui akan dadah di dalam beg-beg tersebut adalah munasabah, berkemungkinan dan boleh dipercayai. Dengan ini mahkamah ini memutuskan bahawa pembelaan T1 dan T2 telah menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. T1 dan T2 dilepas dan dibebaskan dari pertuduhan.

Kedua-dua tertuduh dilepas dan dibebaskan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan